



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# GEOGRAFI KETAKUTAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN JENAYAH DI PUSAT PELANCONGAN BANDAR KUALA LUMPUR

MUHAMMAD YASIN HARAHAP BIN ARSALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## GEOGRAFI KETAKUTAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN JENAYAH DI PUSAT PELANCONGAN BANDAR KUALA LUMPUR

MUHAMMAD YASIN HARAHAP BIN ARSALAN



05-4506832



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)



Perpustakaan Tuanku Bainun



ptbupsi

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

### Dengan nama Tuhan yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihi

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin. Syukur Alhamdulillah atas nikmat kurniaNya yang melimpah ruah, dipermudahkan segala urusan untuk menyiapkan penyelidikan ini. Penyelidikan ini tidak akan berjaya disiapkan tanpa bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak. Setiap peringkat dalam proses menyempurnakan kajian ini memerlukan saya untuk belajar pelbagai perkara dan mencatatkan pengalaman yang tidak akan dilupakan. Pertamanya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Fauziah Che Leh sebagai penyelia utama yang juga ketua penyelidik bagi geran penyelidikan FRGS yang telah memberi peluang dan melantik saya sebagai Pembantu Penyelidik Siswazah. Jasa dan pengorbanan Prof. Madya Dr. Fauziah Che Leh yang sudi meluangkan masa, memberikan pandangan dan kritikan yang membina telah berjaya membawa kepada usaha berterusan dalam menyiapkan penyelidikan ini tanpa ada rasa jemu. Pada kesempatan ini juga saya ingin merakamkan jutaan terima kasih buat masyarakat terdiri daripada pelancong yang telah membantu saya dalam pengumpulan data penyelidikan. Penghargaan yang utama adalah kepada pihak Malaysia Tourism Information Centre (MaTIC) yang memberi nasihat, maklumat dan panduan sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada kedua ibu dan bapa yang tidak pernah lupa memanjatkan doa dan menjadi sumber kekuatan kepada diri ini. Terima kasih kepada semua yang terlibat dan membantu dalam pengumpulan data di lapangan termasuklah organisasi-organisasi dan individu-individu terbabit yang banyak membantu untuk mendapatkan pandangan, bahan dan maklumat dalam proses menyiapkan penyelidikan ini

Terima Kasih





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti Geografi ketakutan pelancong semasa melakukan lawatan di lokasi pelancongan bandar Kuala Lumpur iaitu Pasaraya SOGO, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Pasar Seni (*Central Market*) Kuala Lumpur. Kajian ini meneliti ruang yang difahami oleh pelancong sebagai menakutkan dan tidak selamat di kawasan pelancongan bandar Kuala Lumpur. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan dua kaedah kajian iaitu temu bual berstruktur dan *photovoice*. Temu bual berstruktur dijalankan bersama dua puluh (20) orang pelancong yang terdiri daripada 11 orang pelancong domestik dan 9 orang pelancong antarabangsa. Tujuh (7) orang peserta kajian bersetuju untuk melibatkan diri dalam *photovoice* dengan mengambil gambar perasaan takut mereka dalam ruang yang dilawati dengan menggunakan kamera pakai buang yang dibekalkan oleh pengkaji. Penganalisisan data kualitatif dilaksanakan dengan menggunakan perisian ATLAS.ti bagi membentuk tema dalam membincangkan dapatan kajian. Terdapat sembilan (9) tema terhasil yang menunjukkan ketakutan pelancong daripada kajian ini iaitu; ruang, ruang yang dipenuhi warga asing, penganjuran acara hiburan, kelemahan kawalan keselamatan, waktu dan masa, penipuan, masalah sosial, masyarakat dan pengalaman lepas. Ruang-ruang ini merupakan ciri-ciri ruang yang boleh memberikan ketakutan kepada pelancong yang datang berkunjung melalui pengalaman pelancong semasa melakukan lawatan di lokasi pelancongan bandar. Oleh yang demikian, dapatan ini berupaya untuk digunakan oleh pihak yang berkepentingan dalam menyediakan ruang pelancongan bandar yang lebih selamat pada masa akan datang dan Bandaraya Kuala Lumpur boleh dijadikan sebagai perintis bandar pelancongan selamat di Malaysia.





## GEOGRAPHY OF FEAR AND ITS RELATIONSHIP WITH CRIME IN KUALA LUMPUR CITY TOURIST CENTRE

### ABSTRACT

This study aims to examine the geography of tourists' fears when visiting Kuala Lumpur's tourist locations, namely SOGO Market, Sultan Abdul Samad Building and Kuala Lumpur's Central Market. This study examines spaces understood by tourists as scary and unsafe in the tourist areas of the city of Kuala Lumpur. This qualitative research uses two research methods, namely interviews and photovoice. Semi-structured interviews were conducted with twenty (20) tourists consisting of 11 domestic tourists and 9 international tourists. Seven (7) study participants agreed to engage in photovoice by taking pictures of their feelings of fear in the space they visited using a disposable camera provided by the researcher. Qualitative data analysis was carried out using ATLAS.ti software to form themes in the study findings. Nine (9) emerged themes indicating tourists' fears from this study are: spaces, spaces filled with foreigners, event organization, weaknesses in security control, time and timing, fraud, social issues, community, and past experiences. These spaces represent characteristics that can evoke fear in tourists who visit urban tourist locations. Therefore, these findings can be utilized by interested parties to enhance the safety of urban tourist spaces in the future, and Kuala Lumpur can be a pioneer in establishing safe tourist cities in Malaysia.





## KANDUNGAN

### **Muka surat**

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii



<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>		1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah Kajian	10
1.3	Persoalan Kajian	13
1.4	Andaian Kajian	14
1.5	Matlamat dan Objektif Kajian	14
1.6	Kerangka Konseptual, Orientasi dan Skop Kajian	15
1.7	Kepentingan Kajian	16
1.7.1	Kepentingan terhadap akademik	17
1.7.2	Kepentingan terhadap pemegang taruh	18





1.7.3	Kepentingan daripada segi disiplin ilmu	18
1.8	Batasan Kajian	19
1.9	Organisasi Penulisan Tesis	20
<b>BAB 2</b>	<b>GEOGRAFI KETAKUTAN DALAM SEKTOR PELANCONGAN BANDAR: SATU ULASAN LITERATUR</b>	<b>22</b>
2.1	Pengenalan	22
2.2	Pendefinisian Konsep	24
2.2.1	Pelancong	24
2.2.2	Jenayah	25
2.2.3	Definisi Ruang	31
2.2.4	Bandar Pelancongan	31
2.2.5	Pelancongan Bandar	34
2.3	Geografi ketakutan dalam konteks pelancongan	38
2.3.1	Definisi Topophobia	41
2.3.2	Jenis-jenis Topophobia	45
2.3.3	Ruang Topophobia Bandar	47
2.4	Keselamatan Pelancongan Bandar Global	48
2.4.1	Definisi Pelancongan bandar selamat sebagai jaminan keselamatan dalam pelancongan bandar	52
2.4.2	Pelancong sebagai mangsa jenayah	59
2.4.3	Perasaan terhadap sesuatu tempat (sense of place)	61
2.4.4	Keselamatan dan acara hiburan	62
2.5	Keselamatan Pelancongan Bandar di Malaysia	65





2.6	Keselamatan Pelancongan Bandar di Kuala Lumpur	70
2.7	Kesimpulan	75

**BAB 3 KAEDAH DAN KAWASAN KAJIAN** 77

3.1	Pengenalan	77
3.2	Lokasi Kajian	78
3.3	Reka Bentuk Kajian	79
3.4	Populasi dan Pensampelan Kajian	79
3.5	Instrumen Kajian	80
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	81
3.7	Teknik Penganalisisan Data	82
3.8	Kesimpulan	85

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN** 87

4.1	Pengenalan	87
4.2	Faktor-faktor yang mempengaruhi ketakutan pelancong di ruang pelancongan bandar Kuala Lumpur	88
4.3	Visual yang menggambarkan perasaan tidak selamat	110
4.4	Langkah-langkah bagi mewujudkan pelancongan bandar yang selamat	114





## 4.5 Kesimpulan

117

**BAB 5 RUMUSAN KAJIAN**

118

## 5.1 Pengenalan

118

## 5.2 Rumusan Kajian

119

## 5.3 Implikasi Kajian

121

## 5.4 Limitasi Kajian

122

## 5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

123

## 5.6 Kesimpulan

123

**RUJUKAN**

125





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
2.1 Kedudukan Bandaraya Kuala Lumpur dalam Indeks Bandar Selamat EU	74





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	16
2.1 Elemen bandar pelancongan selamat	50
2.2 Klasifikasi petunjuk prestasi yang dibangunkan mengikut sektor Program Bandar Selamat	58
3.1 Peta Kawasan Kajian	78
3.2 Carta alir Penganalisisan Data Temu Bual	84
4.1 Tempat hiburan yang gelap dan sesak dengan pengunjung	110
4.2 Tiang bendera yang menjadi ruang selamat semasa acara hiburan	111
4.3 Tempat hiburan yang gelap dan banyak warga asing	111
4.4 Ruang tertutup yang sunyi dan menjadi tempat golongan gelandangan	112
4.5 Ruang terbuka yang sunyi dan menjadi tempat golongan gelandangan	112
4.6 Ruang awam yang menjadi tempat lebih selamat	113
4.7 Reka bentuk bangunan yang menimbulkan rasa takut	113





## SENARAI SINGKATAN

BB	Bukit Bintang
CCTV	Closed-Circuit Television
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
EPY	Experience Penang Year
GIS	Geography Information System
IEP	Institute Economic for Peace
KLCC	Kuala Lumpur City Centre
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
LED	Light-Emitting Diode
MaTIC	Malaysia Tourism Information Centre
PAR	Participatory Action Research
PDRM	Polis Diraja Malaysia
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia
TMM	Tahun Melawat Malaysia
TONTO	Tolong Orang dan Tipu Orang
UNWTO	United Nation World Tourism Officer
WPKL	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
YES	Year End Sale





## SENARAI LAMPIRAN

- A Soalan temu bual peserta kajian
- B Borang kebenaran peserta kajian
- C Transkrip temu bual





## BAB 1

### PENDAHULUAN



Bidang pelancongan mendapat perhatian dan berkembang di seluruh pelosok dunia kerana terbukti berjaya menjana pendapatan di sesebuah negara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Justeru itu, setiap negara berusaha mempromosikan lokasi pelancongan yang terdapat di negara masing-masing bagi menarik kedatangan pelancong untuk melawat. Malaysia antara negara yang tidak ketinggalan dalam mempromosikan lokasi pelancongannya. Berdasarkan laporan akhbar Utusan Malaysia bertarikh 28 September 2017, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya menyasarkan seramai 36 juta orang pelancong antarabangsa yang bakal melawat Malaysia pada tahun 2020 dan mampu menjana pertumbuhan ekonomi sebanyak RM 168 bilion. Sementara itu, pada tahun 2018 sahaja, Kementerian Pelancongan Malaysia mensasarkan sejumlah 28 juta pelancong melawat Malaysia. Walau bagaimanapun,





hanya seramai 25,832,354 orang pelancong telah direkodkan pada tahun tersebut berbanding 25,948,459 pada tahun 2017, mencatatkan penurunan sebanyak 0.4 peratus (Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, 2019). Dalam pengumuman bajet 2018 di parlimen, Perdana Menteri Malaysia juga turut mengumumkan tahun 2020 sebagai tahun melawat Malaysia. Oleh itu, pelbagai kemudahan dan perkhidmatan termasuklah jaminan keselamatan pelancong diberi perhatian oleh pihak-pihak berkepentingan dalam memastikan Tahun Melawat Malaysia 2020 mencapai sasarannya. Sasaran 36 juta pelancong yang melawat Malaysia pada tahun 2020 turut dipergiatkan di peringkat kebangsaan. Malah kerajaan negeri Pulau Pinang turut memperkenalkan tahun 2020 sebagai *Experience Penang Year* (EPY) 2020 bagi menarik pelancong untuk melawat ke negeri tersebut. Sasaran untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke destinasi pelancongan di Malaysia boleh dicapai melalui promosi mantap dan berterusan yang dijalankan oleh semua pihak di pelbagai peringkat.



Walau bagaimanapun, pada awal tahun 2020 semua negara di dunia termasuklah Malaysia telah berhadapan dengan penularan wabak penyakit pandemik Covid-19 sekaligus menjaskan perkembangan sektor pelancongan. Perintah kawalan pergerakan diperkenalkan di seluruh negara termasuklah penutupan pintu sempadan antarabangsa (Fauziah, Norimah, Baharudin & Muhammad Yasin, 2020). Memetik kenyataan Gossling et al. (2020) dan Riayati (2021), Organisasi Pelancongan Dunia PBB (UNWTO) menjangkakan ketibaan pelancong antarabangsa pada tahun 2020 menguncup sebanyak 20 hingga 30 peratus berbanding pada tahun 2019. Hal ini telah mengakibatkan sasaran 36 juta pelancong tidak dapat dicapai berikutan Tahun Melawat Malaysia 2020 telah dibatalkan. Meskipun terdapat beberapa siri kawalan pergerakan yang memberi kelonggaran kepada masyarakat diperkenalkan di Malaysia, namun



kedatangan pelancong domestik pada tahun 2020 juga berlaku penurunan yang begitu ketara. Berdasarkan laporan Survei Pelancongan Domestik 2020 hanya 131.7 juta pelawat melancong berbanding dengan 239.1 juta pelawat pada tahun 2019 (Jabatan Statistik Malaysia, 2022). Walau bagaimanapun, hasrat untuk mencapai 30 juta pelancong terpaksa dibatalkan berikutan berlakunya wabak pandemik yang melanda kebanyakan negara termasuklah Malaysia hingga menyebabkan kelumpuhan penerbangan domestik dan antarabangsa. Ahmad Nazrin Aris dan Zainab (2009) menyatakan bahawa untuk mencapai kadar kedatangan bilangan pelancong yang tinggi, pengurusan pelancongan bukan sahaja perlu memikirkan kepada kecukupan keperluan asas dan bebas daripada penyakit, tetapi juga harus merangkumi aspek keselamatan, ancaman keganasan serta selamat daripada bencana alam.



Industri pelancongan banyak menyumbang kepada pendapatan negara Malaysia. Ini diakui apabila, sektor pelancongan telah menyumbang sebanyak RM 84.1 bilion menerusi kehadiran pelancong seramai 25.8 juta pelancong pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya seramai 25.9 juta orang (Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, 2019). Sementara itu, bagi tempoh lima bulan pertama tahun 2019, kedatangan pelancong merekodkan pertumbuhan 4.8 peratus dengan jumlah kedatangan pelancong sebanyak 10.95 juta berbanding 10.45 juta ketibaan pelancong dalam tempoh yang sama pada tahun 2018. Tinjauan Ekonomi 2020 oleh Kementerian Kewangan Malaysia menunjukkan bahawa, industri pelancongan Malaysia diakui menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan menyumbang 15.2% daripada KDNK pada tahun 2018 (MATTA, 2022). Industri pelancongan negara terus menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan hampir pada setiap tahun. Pada tahun 2019 sahaja, ketibaan pelancong antarabangsa mencatatkan seramai 26.1

juta orang dengan pendapatan kepada negara sebanyak RM 86.140 billion dengan sumbangan 15.9% KDNK (Tinjauan Ekonomi, 2020). Manakala, dalam laporan Program Transformasi Ekonomi, hala tuju untuk Malaysia (2010) menjelaskan, sektor pelancongan merupakan sektor kelima terbesar selepas sektor perkhidmatan kewangan, kelapa sawit, borong dan runcit, gas dan tenaga serta petroleum. Hal ini terus diperkuuhkan dalam Tinjauan Ekonomi (2020) yang menyebut, industri pelancongan merupakan antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi dan dikenal pasti sebagai sumber utama pendapatan tukaran asing.

Sementara itu, Malaysia juga pernah menduduki tempat ke-21 antara negara-negara yang mencatat hasil pelancongan tertinggi, dengan membawa masuk sebanyak RM84.1 bilion hasil pendapatan pelancongan pada tahun 2018 seperti yang dinyatakan oleh Pertubuhan Pelancongan Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNWTO) (Barometer, 2019; Bernama, 2019). Oleh itu, sektor pelancongan memainkan peranan yang penting dalam menjana pendapatan negara dan dapat menjana pulangan yang tinggi bagi mengembangkan pertumbuhan ekonomi negara terutama yang melibatkan aliran pertukaran mata wang asing.

Walau bagaimanapun, kerajaan perlu memberi penekanan dan perhatian penuh terhadap aspek kawalan dan keselamatan pelancong itu sendiri. Hal ini kerana, setiap pelancong akan memikirkan keselamatan diri mereka biarpun di mana mereka berada. Pelancong yang mempunyai persepsi yang tidak baik terhadap sesebuah negara atau tempat akan memberi kesan kepada keputusan mereka untuk datang melancong atau memilih destinasi lain sebagai pilihan. Hal ini dijelaskan oleh Siti Suryati dan Mohd Iqral (2018) dengan menyatakan persepsi pelancong adalah gambaran tentang

pengalaman seseorang pelancong tentang sesebuah kawasan yang dikunjungi. Manakala, persepsi seseorang pelancong secara umumnya melibatkan lima deria rasa, iaitu penglihatan, pendengaran, rasa, sentuh dan bau bagi menilai hospitaliti dan perkhidmatan terhadap produk pelancongan yang ditawarkan (Morisson 2002; Siti Suryati & Mohd Iqral, 2018). Hal ini kerana, pengalaman menyeronokkan yang dirasai oleh seseorang pelancong dapat memberi kesan jangka masa panjang kepada kawasan yang dilawati. Misalnya, pelancong yang mempunyai pengalaman yang menyeronokkan akan berkunjung semula ke kawasan tersebut pada masa akan datang dan turut mempromosikannya kepada rakan masing-masing. Pengalaman yang menyeronokkan melahirkan persepsi yang melebihi realiti (Siti Suryati & Mohd Iqral, 2018).

Sektor pelancongan didapati mudah terdedah kepada konflik bersifat dalaman dan global seperti bencana alam, ancaman wabak, kemelut politik dan juga krisis kewangan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Kedatangan pelancong ke Malaysia telah beberapa kali mengalami kemerosotan, khususnya pada tahun 1998 yang berpunca daripada krisis ekonomi di peringkat global. Wabak sindrom pernafasan akut teruk (SARS) pula menyebabkan pertumbuhan bilangan ketibaan pelancong menjunam pada tahun 2003 sebanyak 20.4 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Pelancongan negara turut berhadapan dengan bencana jerebu pada tahun 2015 dan pada masa yang sama isu insiden MH370 dan MH17 yang membabitkan syarikat penerbangan negara terjejas. Wabak Covid-19 merupakan cabaran paling getir kepada prestasi pelancongan negara dan memaksa pembatalan Kempen Melawat Malaysia 2020. Sementara itu, berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2018), jenayah harta benda yang membabitkan kes ragut mencatatkan sebanyak 239 kes dan



lain-lain kecurian sebanyak 19,203 kes. Meskipun laporan ini bukan membabitkan pelancong namun masalah jenayah ini boleh memberi kebimbangan kepada pelancong yang melawat sesuatu lokasi di bandar terutama di kawasan yang berisiko tinggi. Oleh itu, menjadi satu kewajipan kepada pihak berkaitan termasuklah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia, dalam memastikan keselamatan pelancong terus terpelihara dan ketakutan semasa berada di sesebuah lokasi yang dilawati dapat ditangani sebaiknya. Kovari dan Zimanyi (2011) menyatakan, hal ini penting untuk melindungi pelancong dan barang hak milik mereka yang dibawa semasa melancong demi menjamin kelestarian industri pelancongan itu sendiri. Oleh yang demikian, keselamatan pelancong memainkan peranan penting kerana dapat mempengaruhi tingkah laku pelancong di sesebuah lokasi.



Dalam membincangkan tentang pelancongan bandar, perkara yang sering kali menjadi permasalahan dan kebimbangan pelancong sebelum pergi ke sesuatu lokasi adalah soal keselamatan diri dan barang. Keselamatan diri dan barang milik peribadi menjadi isu utama yang difikirkan oleh seseorang pelancong sebelum merancang untuk ke lokasi pelancongan yang dituju. Memetik kenyataan Fauziah (2016) bahawa, isu yang menjadi masalah utama adalah keselamatan pelancong yang terdiri daripada isu jenayah, keselamatan jalan raya dan kesesakan jalan raya. Kawasan atau lokasi yang mempunyai rekod jenayah yang tinggi boleh memberi kesan yang tidak baik kepada jumlah kedatangan pelancong. Hal ini disebabkan perasaan kurang selamat yang mempengaruhi diri setiap pelancong yang mana mereka merasa terancam semasa berada di lokasi yang berisiko tinggi.



Kebimbangan terhadap jenayah boleh mewujudkan perasaan tidak selamat dalam kalangan pelancong kerana kemungkinan akan menjadi mangsa dalam pemikiran individu (Fauziah, 2016). Perasaan ini boleh dipengaruhi oleh keadaan persekitaran lokasi pelancongan yang memberi kesan terhadap perasaan pelancong. Logeswaran et al. (2015) menyatakan sekiranya pelancong berasa tidak selamat atau terancam di sesebuah destinasi pelancongan, ia akan membuat tanggapan yang negatif terhadap tempat percutian. Situasi ini dapat menjasarkan industri pelancongan kesan daripada penurunan kadar kedatangan pelancong berdasarkan beberapa situasi seperti berikut:

- i. Bakal pelancong mungkin membuat keputusan untuk tidak melawat destinasi tersebut disebabkan ia dikenali dengan kadar kes jenayah yang tinggi.
- ii. Sekiranya pelancong berasa tidak selamat di sesebuah destinasi, mereka tidak akan mengambil bahagian dalam aktiviti di luar kemudahan penginapan mereka.
- iii. Pelancong yang berasa terancam atau tidak selamat tidak akan kembali ke destinasi itu dan mereka tidak akan mencadangkan kepada orang lain.

Oleh itu, konsep pelancongan bandar selamat harus dipromosikan sebagai strategi meningkatkan tahap keselamatan pelancong di lokasi pelancongan bandar yang terlibat. Dalam mempromosikan program pelancongan bandar selamat di Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan lain, pihak berkuasa tempatan perlu memperluaskan program bandar selamat agar turut diimplementasikan di pusat pelancongan bandar yang terdapat di bandar-bandar. Sekiranya, program bandar selamat tidak diperlakukan sepenuhnya, ketakutan terhadap jenayah boleh menjadi kekangan kepada tingkah laku dan gaya hidup seseorang. Menurut kajian Shu dan Shih (2011) yang dilakukan di India,

mendapati kebimbangan menjadi mangsa jenayah bukan sahaja dipengaruhi oleh kesediaan untuk melawat tetapi juga mempengaruhi industri pelancongan secara keseluruhan. Oleh itu, Fauziah (2016) menegaskan wujudnya perhubungan antara persepsi pelancong dan kebimbangan berkaitan berlakunya jenayah terhadap keputusan untuk melawat ke sesuatu destinasi pelancongan.

Jenayah merupakan kebimbangan utama yang dihadapi oleh orang awam dan masih belum mempunyai kaedah yang sempurna untuk dibanteras secara keseluruhan (Fauziah, 2016). Jenayah ragut merupakan antara jenayah yang sering ditakuti oleh pelancong semasa melawat lokasi lawatan. Jenayah harta benda seperti kejadian ragut boleh dikaitkan dengan ciri reka bentuk kawasan bandar yang kurang memberi perhatian terhadap aspek keselamatan. Memetik kenyataan Ketua Polis Diraja Malaysia dalam siaran akhbar Harian Metro (2017), kes ragut telah mencatatkan 239 kes. Tambahan lagi, kebanyakannya kes samun dan ragut dilakukan oleh individu tertentu yang sentiasa mengintai peluang melakukan jenayah berkenaan apabila mempunyai ruang berbuat demikian.

Pelancong antara yang sering menjadi sasaran oleh penjenayah berikutnya identiti diri pelancong yang mudah dikenalpasti. Pelancong sering dianggap sebagai orang yang “berduit” berikutan boleh melancong ke negara lain. Tambahan pula, pelancong sering kali membawa barang berharga termasuklah wang yang banyak semasa melakukan lawatan. Kelemahan memahami persekitaran kawasan yang dilawati telah membuka peluang kepada penjenayah untuk menjadikan pelancong sebagai sasaran utama. Oleh itu, Polis Diraja Malaysia telah mewujudkan pasukan khas yang dikenali sebagai Polis Pelancong dalam menangani jenayah terbabit dengan

mensasarkan kawasan tumpuan pelancong sekaligus dapat membanteras penjenayah yang melakukan samun dan ragut. Ketua Polis Kuala Lumpur (2017), memaklumkan bahawa antara kawasan ‘panas’ samun dan ragut yang menyebabkan kerugian puluhan ribu ringgit kepada pelancong adalah di kawasan Bukit Bintang, Jalan Tunku Abdul Rahman dan berhampiran pusat beli-belah yang menjadi tumpuan pelancong daripada luar negara.

Kajian ini penting bagi mengenal pasti ciri-ciri ruang pelancongan bandar yang menimbulkan rasa takut kepada pelancong terhadap jenayah. Melalui kajian ini, isu ketakutan pelancong dan kaedah penyelesaian dapat dikenal pasti dan ditangani. Kajian terhadap ketakutan dan keselamatan pelancong sememangnya penting kerana salah satu faktor yang menjadikan sesuatu kawasan sebagai destinasi pilihan pelancong adalah faktor keselamatan (Fauziah, 2016). Oleh itu, kajian ini bukan sahaja dapat memahami perasaan takut pelancong, malah dapat juga mengenal pasti ciri-ciri ruangan yang mendorong kepada ketakutan pelancong semasa di lokasi pelancongan secara lebih jelas. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu pengkaji dalam mengenal pasti pendekatan yang boleh digunakan dalam mengurangkan perasaan takut dalam kalangan pelancong semasa berada di lokasi percutian bandar. Ini penting dalam memastikan destinasi pelancongan bandar terus mendapat tempat dihati pelancong terutama pelancong antarabangsa. Perasaan takut dan was-was untuk melakukan lawatan yang disebabkan oleh faktor ruang dan jenayah perlu dipadamkan melalui pencegahan dan penyusunan semula reka bentuk bandar di pusat pelancongan bandar sedia ada.



Permintaan untuk bercuti di bandar-bandar telah meningkat dengan ketara khususnya di lokasi pelancongan bandar-bandar utama di Malaysia. Pada tahun 2018, Kuala Lumpur berada di tangga keenam sebagai destinasi pilihan dengan kedatangan pelancong seramai 13.79 juta orang pelancong antarabangsa yang telah datang berkunjung ke bandaraya tersebut (Global Destination Index, 2019). Usaha menarik lebih ramai pelancong untuk datang berkunjung ke bandaraya ini terus giat dilakukan melalui Pelan Transformasi Pelancongan yang mana telah menetapkan kawasan Bukit Bintang dan Kuala Lumpur City Center (KLCC) sebagai kawasan beli belah yang dinamik dengan menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan beli belah utama.

## 1.2 Pernyataan Masalah Kajian



Kajian tentang keselamatan pelancong yang dipengaruhi oleh ketakutan di destinasi pelancongan bandar diakui begitu kurang ditulis oleh sarjana tempatan. Justeru itu, kajian ini bertujuan mendalamai perasaan takut dalam kalangan pelancong di destinasi pelancongan bandar yang dikunjungi. Kuala Lumpur merupakan salah sebuah bandar yang paling ramai dikunjungi pelancong berikutan kepelbagai produk yang terdapat di pusat bandar seperti tempat bersejarah, *waterfront*, pusat konvensyen, pameran, acara dan perayaan peringkat kebangsaan, pusat beli belah terkemuka, kemudahan makanan halal dan pusat hiburan. Walau bagaimanapun, tarikan sedemikian yang dipengaruhi oleh faktor ruang dikhuatirkan boleh menimbulkan ketakutan semasa melakukan lawatan dan memberi kesan kepada kesinambungan kedatangan pelancong pada masa akan datang. Ini bertepatan dengan kenyataan Fauziah (2016), di mana



kebiasaannya pelancong akan membuat satu tanggapan terlebih dahulu terhadap destinasi pelancongan sebelum datang melancong.

Malah pelancong yang berasa terancam atau tidak selamat tidak akan kembali ke destinasi itu dan mereka tidak akan mencadangkan kepada orang lain (Logeswaran, 2015). Dalam hal ini, faktor ketakutan dan kebimbangan terhadap tempat atau lebih dikenali sebagai Geografi ketakutan menjadi faktor utama kepada pemilihan dan kesempurnaan lawatan bagi setiap pelancong. Ketakutan pelancong dipengaruhi oleh faktor persekitaran ruang pelancongan kerana produk pelancongan bandar itu sendiri berada dan dikelilingi oleh persekitaran bandar dan dibimbingkan memberi kesan kepada destinasi pelancongan bandar khususnya impak terhadap sosio ekonomi.

Beberapa laporan yang pernah dikeluarkan berhubung tahap keselamatan kawasan pelancongan Kuala Lumpur seperti kajian oleh Ahmad Fitri, Mohd Noor dan Toh (2015), Fauziah (2016), Nurin Uzma Eizzaty dan Faiz Izwan (2020) dan Tan et al. (2017), telah menggambarkan situasi yang kurang baik tentang pusat pelancongan bandar di Kuala Lumpur sebagai destinasi pilihan untuk melakukan lawatan. Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia 2021 dalam Indeks Nisbah Jenayah Malaysia, Kuala Lumpur dan Putrajaya mencatatkan indeks tertinggi dengan nilai skor 592.3 diikuti dengan Selangor di tempat kedua dengan nisbah 304.3, Negeri Sembilan ketiga 295.4, Pulau Pinang 295.0, Melaka 275.9, Johor 262.4 dan terakhir sekali Kedah yang memenuhi senarai enam teratas dengan nisbah 258.3. Secara keseluruhannya, Malaysia mencatatkan indeks nisbah jenayah pada angka 256.6 kes bagi setiap 100,000 orang penduduk dengan mengambil kira beberapa kategori jenayah utama yang dibahagikan kepada dua, iaitu jenayah keganasan yang merangkumi bunuh, rogol, rompakan dan mencederakan orang lain. Kategori kedua pula adalah jenayah

melibatkan harta benda, seperti pecah masuk rumah, kecurian kenderaan, ragut dan kecurian lain (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Oleh yang demikian, Kuala Lumpur boleh disenaraikan sebagai salah sebuah destinasi pelancongan yang tidak selamat terutama pada waktu malam untuk dikunjungi dan dikaitkan dengan isu keselamatan serta jenayah yang berlaku dalam kalangan pelancong. Walau bagaimanapun, pada masa kini Kuala Lumpur sedang giat mengusahakan satu daya tarikan baharu dengan berkonsepkan *city of light* yang membenarkan pelancong melakukan lawatan pada waktu malam sambil menikmati cahaya lampu berwarna-warni daripada setiap bangunan termasuklah jajaran *River of Life* yang menjadi tarikan baharu kepada pelancong.



Persekitaran pada waktu siang dan malam di Bandaraya Kuala Lumpur pastinya memberi gambaran perasaan dan pengalaman yang berbeza. Pengalaman pelancongan dalam kalangan pelancong sebelum ini menunjukkan mereka lebih yakin melakukan lawatan di sebelah siang, namun bimbang untuk meneruskan lawatan pada waktu malam. Kebimbangan ini mendorong pelancong untuk tinggal di bilik-bilik penginapan tanpa melakukan sebarang aktiviti pada waktu malam. Sedangkan, Kuala Lumpur boleh diibaratkan sebagai sebuah bandar hidup 24 jam dengan pelbagai aktiviti termasuklah hiburan, restoran makanan dan minuman yang boleh dikunjungi oleh para pelancong. Meskipun Kuala Lumpur terus mencatatkan peningkatan jumlah pelancong domestik dan antarabangsa daripada semasa ke semasa, namun pelancong masih perlu memikirkan keselamatan diri mereka dan juga keluarga semasa melakukan lawatan. Keadaan ini juga boleh menyebabkan pelancong mempunyai perasaan takut terhadap destinasi yang dikunjungi dan menamatkan lawatan dengan lebih awal atau mengelak



dari pada terus berkunjung ke kawasan tersebut. Tambahan pula, pelancong yang datang ke Kuala Lumpur ironinya akan menamatkan lawatan selewat-lewatnya pada lewat petang dan kurang dilihat berada di persekitaran bandaraya pada waktu malam.

Pengenalpastian ciri-ciri ruang dan masa di lokasi pelancongan bandar yang boleh mempengaruhi psikologi iaitu perasaan takut dalam kalangan pelancong secara lebih mendalam melalui kajian kes adalah merupakan jurang kajian ini yang berbeza dengan kajian-kajian sebelumnya. Oleh hal yang demikian, kajian ini perlu dijalankan untuk merealisasikan kepada usaha mewujudkan sebuah pelancongan bandar yang selamat dengan menunjukkan gambaran yang lebih jelas perasaan takut pelancong di pusat Bandaraya Kuala Lumpur terutama pada waktu malam dengan memfokuskan kepada ruang fizikal dan reka bentuk bandar.



### 1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian dibina bertujuan untuk mencapai objektif kajian. Tiga persoalan kajian telah dibentuk, iaitu:

- i. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi perasaan takut pelancong di lokasi pelancongan bandar?
- ii. Bagaimanakah imej ruang pelancongan Bandaraya Kuala Lumpur yang boleh memberikan rasa takut kepada pelancong?
- iii. Apakah langkah-langkah bagi mewujudkan pelancongan bandar yang selamat di pusat pelancongan bandaraya di Kuala Lumpur?





## 1.4 Andaian Kajian

Penyelidikan ini menggunakan andaian kajian seperti berikut:

- i. Pengalaman pelancong berkaitan dengan jenayah di sebuah lokasi pelancongan boleh memberi impak signifikan terhadap jumlah, kekerapan dan kunjungan semula pelancong pada masa akan datang.
- ii. Model bandar selamat berpusatkan pelancong berupaya menjadi panduan kepada pembentukan konsep pelancongan selamat dalam sektor pelancongan bandar di Malaysia.

## 1.5 Matlamat dan Objektif Kajian

Matlamat utama kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti perasaan tidak selamat pelancong terhadap aspek jenayah di pusat Bandaraya Kuala Lumpur, khususnya di lokasi spesifik pelancongan bandar. Seiring dengan matlamat tersebut, terdapat beberapa objektif kajian yang khusus untuk dicapai dalam kajian ini seperti berikut;

- i. Meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi ketakutan pelancong di ruang pelancongan bandar Kuala Lumpur,
- ii. Menvisualisasikan dan menterjemahkan ketakutan pelancong melalui gambar dan keterangan yang dirakamkan oleh pelancong dalam ruang pelancongan bandar Kuala Lumpur,
- iii. Mencadangkan langkah-langkah bagi mewujudkan ruang pelancongan bandar yang selamat di Kuala Lumpur.





## 1.6 Kerangka Konseptual, Orientasi dan Skop Kajian


Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang dibina bagi menjelaskan Geografi ketakutan di Kuala Lumpur yang memberi kebimbangan kepada pelancong semasa berkunjung di lokasi percutian bandar yang mereka pilih. Secara keseluruhan, kajian ini bertujuan menilai lokasi ruang pelancongan bandar yang mempengaruhi tahap keselamatan pelancong dan mengenal pasti perkaitan perasaan takut pelancong dengan masalah jenayah. Kajian tentang ketakutan dalam kalangan pelancong di Kuala Lumpur dipengaruhi oleh masalah jenayah dibataskan kepada pelancong domestik dan antarabangsa yang datang ke pusat Bandaraya Kuala Lumpur yang terpilih.

Sebanyak tiga (3) buah destinasi pelancongan bandar dalam pusat Bandaraya

Kuala Lumpur yang dipilih berdasarkan kepada laporan Ketua Polis Kuala Lumpur.

Kawasan panas yang sering berlakunya masalah jenayah adalah di kawasan Bukit Bintang, Jalan Tunku Abdul Rahman dan berhampiran pusat beli belah yang menjadi tumpuan pelancong domestik dan antarabangsa. Oleh itu, destinasi yang ditetapkan dalam melaksanakan kajian ini ialah pusat beli belah SOGO, Kuala Lumpur, Pasar Seni dan Bangunan Sultan Abdul Samad atau Dataran Merdeka. Skop kajian dikecilkkan kepada lokasi paling berpotensi berlakunya jenayah berdasarkan maklum balas kakitangan Jabatan Pelancongan Kuala Lumpur, Polis Diraja Malaysia dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kajian ini melibatkan pelancong domestik dan antarabangsa sebagai responden bagi tujuan pengumpulan data primer.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian. Diadaptasi daripada Faizah, 2017

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kepesatan pembangunan masa kini membawa Kuala Lumpur menjadi bandaraya bertaraf dunia dan prospek tersebut telah dilakar dalam pelan pembangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) (Junaidi, Rosmadi, Amir Saifude, Muhammad Hazim & Zainun, 2017). Pengaruh kepesatan pembangunan telah membawa kepada

persaingan terhadap lokasi pelancongan bandar yang semakin sengit. Oleh itu, di sebalik kepesatan pembangunan dan pelancongan yang semakin sengit, sektor pelancongan bandar perlu memastikan tahap keselamatan pelancong di lokasi bebas daripada sebarang ancaman jenayah dan tidak memberikan kesan ketakutan dan perasaan kurang selamat semasa melawat.

Fauziah (2016) menyatakan bahawa, keselamatan pelancong perlu diberi perhatian oleh pihak berkepentingan memandangkan pembangunan menuntut supaya memberi keutamaan kepada elemen kebolehsaingan dan jenayah yang berlaku dalam kalangan pelancong di lokasi pelancongan bandar memberi halangan terhadap daya saing kawasan. Bersesuaian dengan matlamat tersebut, kajian ini diharapkan dapat memberi beberapa sumbangan khususnya kepada bidang akademik dan usaha mewujudkan bandar pelancongan selamat serta bebas daripada perasaan takut semasa melakukan lawatan. Antara sumbangan yang dijangkakan ialah:

### 1.7.1 Kepentingan Terhadap Akademik

Kajian ini boleh menjadi rujukan kepada pengkaji lain yang memfokuskan tentang ketakutan pelancong khususnya terhadap jenayah di destinasi pelancongan bandar. Ini berikutan tidak ramai sarjana tempatan yang mengkaji berkaitan isu dan keselamatan pelancong di kawasan pelancongan bandar di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian Geografi ketakutan di lokasi pelancongan bandar Kuala Lumpur penting kerana menjadi salah satu penyumbang kepada ekonomi negara dan penduduk bandar. Oleh itu, diharapkan kajian ini akan menjadi rujukan dan panduan kepada pihak berkepentingan dalam usaha membangunkan pusat pelancongan bandar yang selamat

dan dalam masa yang sama dapat memberikan impak kepada peningkatan bilangan kedatangan pelancong ke pusat Bandaraya Kuala Lumpur pada masa akan datang.

### **1.7.2 Kepentingan Terhadap Pemegang Taruh**

Sementara itu, kajian ini juga mampu memberi sumbangan kepada pemegang taruh dalam penyediaan kawasan pelancongan bandar yang lebih selamat pada masa hadapan yang terdiri daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Tourism Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). DBKL dapat menyediakan persekitaran yang lebih aman melalui pembangunan kawasan baharu dan sedia ada yang lebih menekankan ke arah mewujudkan ciri kawasan pelancongan bandar yang selamat. Begitu juga dengan Polis Diraja Malaysia dapat menambah baik aspek kawalan keselamatan terutama di kawasan yang dikatakan berisiko untuk menjadi mangsa jenayah oleh pelancong yang melawat. Hasil kajian ini dapat membantu organisasi-organisasi berkaitan dalam merancang pembangunan lokasi pelancongan bandar di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur yang lebih baik agar elemen selamat dapat diwujudkan dalam kalangan pelancong semasa melakukan lawatan.

### **1.7.3 Kepentingan daripada Segi Disiplin Ilmu**

Kajian ini juga turut memberi kepentingan daripada segi disiplin ilmu iaitu penambahbaikan daripada kajian-kajian terdahulu yang melibatkan pelancongan bandar selamat. Skop kajian yang menumpukan kepada ruang dan masa kajian begitu juga kaedah pengumpulan data iaitu dengan menggunakan kaedah triangulasi juga

menjadikan kajian ini sebagai sumbangan baharu dalam bidang ilmu Geografi. Kajian ini juga turut mendalamai psikologi responden dengan melibatkan perasaan takut atau Geografi ketakutan ketika berada di lokasi kajian. Justeru, kepentingan kajian ini daripada segi disiplin adalah merupakan penambahbaikan daripada segi metodologi dan lokasi berbanding kajian-kajian lepas.

### 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini berperanan dalam menilai ketakutan pelancong terhadap aspek jenayah di lokasi pelancongan bandar. Kawasan kajian hanya tertumpu di pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Pemilihan sampel kajian ini bertujuan memastikan perasaan kurang selamat dalam kalangan pelancong dapat dikurangkan melalui persekitaran bandar yang selamat. Segala permasalahan yang timbul dalam kajian ini dihuraikan dengan teliti bagi memberikan bantuan kepada pihak terlibat untuk memastikan perasaan takut dan kurang selamat dalam kalangan pelancong dan penghuni bandar dapat dikurangkan sekaligus menjadikan kawasan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai bandar selamat untuk dilawati. Dalam kajian ini, batasan-batasan kajian yang dikenal pasti adalah batasan daripada segi skop kajian, responden dan lokasi kajian.

Daripada segi skop kajian, kajian ini memfokuskan kepada satu aspek iaitu keselamatan pelancong yang dipengaruhi oleh perasaan semasa melakukan lawatan di destinasi pelancongan bandar. Dalam konteks kajian ini, perasaan selamat merujuk kepada bebas daripada sebarang unsur yang memberi ketakutan dan keterancaman terutamanya kepada pelancong. Dalam kajian ini, perasaan selamat dipengaruhi oleh faktor ruangan, keadaan fizikal dan sosial kawasan pelancongan bandar. Dalam skop



kajian ini, keselamatan pelancong menjadi skop utama yang dihuraikan. Sementara itu, dalam kajian ini juga pengkaji memfokuskan kepada pelancong domestik dan antarabangsa sebagai responden utama kajian. Justifikasi pemilihan responden ini dibuat untuk mengetahui pengalaman mereka sebagai pelancong semasa melakukan lawatan di destinasi pelancongan bandar Kuala Lumpur. Data primer yang diambil juga hanya melibatkan pelancong domestik dan antarabangsa yang berada di destinasi pelancongan bandar Kuala Lumpur sahaja.

### 1.9 Organisasi Penulisan Tesis

Organisasi penulisan tesis ini menjelaskan setiap bab yang membolehkan matlamat kajian ini dicapai. Bab satu membincangkan latar belakang kajian yang memfokuskan kepada ketakutan pelancong, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian dan organisasi keseluruhan bab.

Dalam bab dua pula menerangkan berkaitan tinjauan literatur ketakutan pelancong di lokasi pelancongan bandar dan kajian-kajian yang berkaitan dalam konteks seluruh dunia, negara Asia dan juga Malaysia.

Bab tiga pula menerangkan tentang lokasi dan kaedah kajian yang dijalankan meliputi kawasan kajian, reka bentuk kajian, populasi dan sampel yang digunakan sepanjang menjalankan kajian. Kaedah analisis turut dijelaskan dalam bab tiga ini.





Bab empat menekankan dapatan kajian yang diperoleh hasil daripada pengumpulan data primer dan analisis yang dijalankan. Bab ini merupakan bab paling diberikan fokus perbincangan dalam kajian ini. Ini kerana ia membincangkan penemuan-penemuan kajian berdasarkan matlamat dan objektif yang telah ditetapkan. Bab empat ini juga akan dikukuhkan lagi dengan analisis dokumen yang berkaitan dan *photovoice* yang dikongsikan oleh peserta kajian dijalankan.

Bab lima merupakan bab akhir dalam kajian yang merumuskan penemuan-penemuan sebelum ini dan seterusnya mengemukakan masalah dalam konteks kajian serta beberapa langkah bagi mengatasinya.

